

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan adakah kita mempunyai perjanjian perdagangan barter untuk minyak kelapa sawit dengan negara lain selain daripada Negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada Negara China, Kerajaan juga sedang berunding dengan beberapa negara antaranya Pakistan dan Rusia untuk membuat perolehan secara sistem timbal balas (*counter trade*) bagi meluaskan pasaran minyak sawit ke luar negara.

Negara-negara berkenaan juga telah menunjukkan kesediaan untuk menerima minyak sawit Malaysia sebagai pertukaran sekiranya Malaysia bercadang memperoleh produk-produk daripada mereka. Sekiranya menjadi kenyataan, kaedah sistem timbal balas berkenaan turut mampu meningkatkan harga minyak sawit negara.

Sekian, terima kasih.